

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk menggalakkan perniagaan dan pelajaran digital untuk seluruh negara khususnya selepas wabak COVID-19 di kawasan dalam dan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang meneruskan usaha dalam membantu usahawan tempatan beralih daripada perniagaan secara konvensional kepada ekonomi digital melalui penggunaan teknologi seiring dengan perubahan semasa bagi membantu merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Antara strategi yang sedang dijalankan adalah dengan menaik taraf kualiti perkhidmatan jalur lebar khususnya di kawasan dalam dan luar bandar. Di antara inisiatif yang dilaksanakan adalah pembinaan menara komunikasi baharu bagi penyediaan liputan perkhidmatan selular 3G dan 4G. Bagi peluasan jalur lebar talian tetap pula, inisiatif yang melibatkan penyambungan rangkaian gentian optik baharu kepada 100,000 premis di pinggir bandar dan luar bandar sedang dirancang.
2. Dalam inisiatif menggalakkan perniagaan digital, Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) akan meneruskan pelbagai aplikasi dan platform e-dagang kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Usahawan mikro tempatan melalui program dan inisiatif seperti berikut:
3. Program eUsahawan yang menyediakan pengetahuan dan ilmu keusahawanan digital kepada usahawan mikro, desa dan belia untuk menjana pendapatan, menjalankan pemasaran produk dan meningkatkan penjualan.
4. Perkhidmatan eDagang Setempat (PeDAS) yang menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan bantuan sokongan kepada usahawan luar bandar memasarkan produk mereka di platform e-dagang. Kemudahan PeDAS tersedia di Pusat Internet Desa (PID) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama MDEC.

## NO. SOALAN : 31

5. Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) merupakan salah satu inisiatif e-dagang rentas sempadan. Fokus diberikan untuk menggalakkan eksport di kalangan PKS menerusi pelbagai ekosistem yang tersedia di platform e-dagang. Sehingga akhir tahun lepas, DFTZ telah membantu lebih 13,000 PKS tempatan mendapatkan akses ke pasaran e-dagang serantau dan global
6. Go-eCommerce merupakan pusat sumber dalam talian yang mempunyai pelbagai rujukan dan panduan lengkap untuk membantu PKS dan usahawan mikro untuk menyertai dan menggunakan aplikasi e-dagang.
7. Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), MDEC juga melaksanakan inisiatif seperti berikut yang bertujuan menggalakkan penggunaan platform e-dagang serta teknologi digital dalam operasi perniagaan khususnya oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS):
  - a. Kempen eDagang untuk Usahawan Mikro dan PKS yang bertujuan untuk menggalakkan usahawan mikro dan PKS menggunakan platform dan aplikasi e-dagang untuk meluaskan pasaran mereka. Inisiatif ini dijangka akan memanfaatkan lebih 145,000 usahawan mikro dan PKS tempatan untuk mendapat bantuan dalam bentuk latihan *on-boarding* di platform e-dagang dan subsidi penjualan dan khidmat sokongan jualan. Dalam melaksanakan inisiatif ini, MDEC akan memanfaatkan maklumat PKS daripada program sedia ada seperti eUsahawan, Go-eCommerce, dan PeDAS. MDEC juga akan bekerjasama dengan Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi pembangunan usahawan lain serta rakan-rakan e-dagang bagi memastikan golongan sasaran ini mendapat manfaat daripada program ini.
  - b. Kempen *Shop Malaysia Online* yang merupakan kempen jualan e-dagang untuk menggalakkan pembelian dalam talian melalui pemberian boucer, diskaun dan rebat. Inisiatif ini menumpukan usaha menggalakkan dan meningkatkan jualan dalam talian untuk produk dan barang PKS tempatan. Di samping itu, inisiatif ini

## NO. SOALAN : 31

turut bertujuan untuk menarik lebih banyak PKS tempatan menggunakan platform e-dagang dan menggalakkan eksport produk tempatan melalui platform e-dagang antarabangsa. Pelaksanaan inisiatif ini juga akan melibatkan kerjasama dari pelbagai Kementerian, agensi, rakan industri dan platfrom e-dagang tempatan dan antarabangsa.

c. Geran Automasi Pintar atau *Smart Automation Grant* (SAG) yang merupakan bantuan kewangan dan bentuk geran padanan untuk syarikat-syarikat perkhidmatan mengautomasikan proses dan operasi perniagaan mereka dengan penggunaan teknologi digital. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat tempatan memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos operasi dan kebergantungan kepada proses manual. Mekanisme pelaksanaan Geran ini juga melibatkan kerjasama institusi kewangan dan rakan industri seperti syarikat telekomunikasi dan pakar industri.

8. Dalam menggalakkan pembelajaran secara digital dan dalam talian, MDEC juga turut bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi melaksanakan program yang melibatkan pelajar dan tenaga pengajar. Antara program yang dilaksanakan sepanjang tempoh PKP termasuk:

- a. Melalui program #mydigitalmaker, MDEC telah melatih lebih 3,000 guru secara dalam talian dalam bidang pengaturcaraan *micro controller* dan Kemahiran Komputasional. Guru-guru yang telah dilatih dan dikenalpasti sebagai Jurulatih Utama Daerah akan melatih guru-guru lain di daerah masing-masing.
- b. Kempen "*Hour of Code* (HoC)" turut dijalankan secara dalam talian dalam memperkenalkan pengaturcaraan serta asas sains komputer dalam cara yang interaktif kepada murid sekolah rendah dan menengah dengan kerjasama KPM dan MOSTI.

**NO. SOALAN : 31**

- c. Roadshow Kaunselor Kerjaya turut berlangsung secara dalam talian melibatkan 500 guru-guru kaunselor kerjaya sekolah dilaksanakan secara berfasa mulai bulan Mei – Julai bertujuan untuk memberi pendedahan dan maklumat terkini tentang kemahiran-kemahiran digital yang diperlukan oleh murid dan kerjaya masa depan. Guru-guru kaunselor tersebut akan membuat pendedahan kepada anggaran 20,000 murid Tingkatan 5 di sekolah masing-masing.
9. Di samping itu, selain daripada menawarkan pakej prabayar dan pascabayar yang berpatutan, syarikat-syarikat telekomunikasi turut menawarkan internet percuma 1Gigabit setiap hari di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara. Kemudahan ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh rakyat dalam menggunakan perkhidmatan jalur lebar bagi tujuan perniagaan dan pembelajaran digital.